


Bijak bercakap tidak semestinya cekap bekerja

UB 10.12.10. B4



BICARA KAMPUS

Oleh ZAITON MOHAMAD

zaiton.mohamad@yahoo.com

SETIAP manusia akan sentiasa mempunyai pandangan dan idea yang berubah-ubah. Jarang

sekali kita mendengar dan melihat pandangan yang dilontar tidak berubah dan terlalu rigid. Ini disebabkan limpahan sarjana telah memberikan implikasi yang besar dalam perkembangan teknologi pendidikan negara. Dalam pentadbiran juga memerlukan kepakaran para pengurus untuk mentadbir sesbuah organisasi supaya perkhidmatan yang disediakan setara dengan kehendak pelanggan. Justeru itu, sekiranya pengurusan sesbuah organisasi tidak bijak memahami kehendak kakitangannya maka ia akan melahirkan perkhidmatan yang tidak berkualiti. Ini disebabkan sebagai manusia yang memiliki naluri dan perasaan, apabila dilayan seperti robot maka hasilnya tidak ke mana kerana tidak mempunyai hati dan perasaan malah tidak juga berupaya memikirkan sesuatu keputusan secara kreatif dalam mendepani kehendak pelanggan.

Mengikut Stephen R. Covey juga dalam *The 7 Habits Of Highly Effective People* juga mengatakan sekiranya pengurusan yang bijak dan ingin memantapkan organisasi maka ia memerlukan orang yang proaktif dalam hidupnya. Makna proaktif ialah kakitangan yang dalam pekerjaannya lebih kemas merancang sesuatu perkara dan melaksanakannya seperti yang dirancang, malah sentiasa membuat penambahbaikan dari semasa ke semasa mengikut kehendak pelanggan mahupun mengikut perkembangan globalisasi. Begitu juga dalam habit yang ketujuh iaitu *sharpen the saw* jelas menunjukkan bahawa setiap manusia perlu akur dengan perkembangan ilmu selari dengan perkembangan globalisasi dan perlu sentiasa meningkatkan ilmu pengetahuan supaya tidak ketinggalan zaman. Justeru itu mereka tidak akan terpinggir daripada arus perdana. Sebagai contohnya kepimpinan negara juga mengambil inisiatif untuk mendekati para rakyat Malaysia dengan menggunakan kemudahan teknologi semasa iaitu *facebook*, *twitter* dan sebagainya. Dengan menggunakan saluran tersebut rakyat akan lebih berani bersuara untuk mengatakan kehendak dan keperluan dalam konteks kehidupan semasa.

Tambahan pula sekiranya rakyat yang bekerja di dalam perkhidmatan awam juga akan lebih risau dan bimbang untuk mengutarakan dan melontarkan pendapat kepada kerajaan sekiranya terpaksa melalui prosedur-prosedur yang ketat oleh sesbuah organisasi. Namun apabila mahir menggunakan ilmu teknologi maklumat maka saluran tersebut boleh digunakan untuk terus mendekati kepimpinan negara. Malah boleh juga melaporkan penyalahgunaan kuasa beserta dengan bukti yang nyata sekiranya wujud penyelewengan di dalam organisasi. Justeru itu pihak pengurusan organisasi juga akan lebih telus dalam membuat keputusan yang melibatkan kewangan, kenaikan pangkat serta pengembangan kerjaya kakitangannya. Maka budaya kroni, budaya bodek dan budaya prejedis juga boleh dihalang daripada terus berleluasa di dalam organisasi. Ini disebabkan budaya sebegitu akan meruntuhkan sesbuah organisasi kelak kerana wujudnya ketidakseimbangan antara pekerja yang proaktif yang selalu dilupakan berbanding orang yang hanya mengejar nama sahaja. Malah ada pepatah mengatakan ramai yang bekerja hanya untuk mendapatkan gaji, malah ada yang bekerja hanya sedikit-sedikit kerana mementingkan habuan peribadi. Kadang-kadang ada yang kerja hanya untuk mendapat pujian dan jarang-jarang yang benar-benar kerja untuk keberkatan Ilahi. Keadaan tersebut akan menggoyahkan sesbuah organisasi kerana ramai di kalangan pekerja terutamanya badan-badan berkanun tidak terikat dengan Pekeliling Kemajuan Perkhidmatan Awam kerana institusi tersebut dibenarkan untuk menerima atau menolak pekeliling yang ditetapkan oleh Jabatan Perkhidmatan Awam. Justeru itu sekiranya tidak ramai di kalangan pekerja yang proaktif tidak dipedulikan, digilap dan diberikan peranan penting maka akan muncul golongan yang hanya menunggu arahan bos sahaja, sekiranya tidak diberikan arahan maka berborak panjanglah yang akan berlaku di pejabat-pejabat. Namun golongan sebegitu memang ramai kerana pandai membawa gosip untuk lebih dikenali. Ada juga pepatah mengatakan golongan sebegitu asyik pandai membuat temberang sehingga boleh menyebabkan organisasi tunggang langgang kerana saling melaga-lagakan antara staf dengan staf yang lain. Justeru itu pihak pengurusan sesbuah organisasi perlu melihat dan menilai seseorang berdasarkan kualiti peribadi dan kerja untuk memastikan kecermerlangan organisasi dapat dicapai seperti yang ditetapkan.

* Penulis adalah Pegawai Psikologi HEP Jabatan Hal Ehwal Pelajar UMS